



► LAMAN UTAMA

CARI 6 Mei 2008 / 29 Rabiul Akhir 1429 KUMPULAN UTUSAN BERITA HUBUNGI KAMI JOM IKLAN! ARKIB

BERITA

- Berita Utama
- Dalam Negeri
- Politik
- Luar Negara
- Sukan
- Bisnes
- Laporan Saham
- Mahkamah
- Jenayah
- Rencana
- Bicara Agama
- Forum

GAYA HIDUP

- Hiburan
- Keluarga
- Rancangan TV
- Pendidikan
- Sains & Teknologi
- Kesihatan
- Polis & Tentera
- Sastera

CAPAIAN LAIN

- Portal Pendidikan
- Kosmo! Online
- Mangga Online
- Kareer
- Ranggi
- Utusan Karya
- Rampai Iklan

LAMAN KHAS



KOMUNITI

-
-
-
-
-

DALAM NEGERI

Kuasa raja simbol kekuatan Melayu

KUALA LUMPUR 4 Mei - Beberapa pemimpin UMNO menyuarakan sokongan terhadap resolusi Kongres Permuafakatan Melayu supaya kuasa raja-raja diperkukuhkan kembali demi menjaga kelangsungan politik Melayu.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib berkata, ia satu resolusi yang tepat kerana raja-raja sememangnya berkedudukan untuk mempertahankan kedudukan dan hak orang Melayu.

"Memang perlu dipertahankan kedudukan dan hak bangsa kita (orang-orang Melayu) dalam negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Kongres Permuafakatan Melayu meminta menggerakkan usaha ke arah memperkukuhkan kembali kuasa raja-raja Melayu supaya kedaulatan dan kekuasaan orang Melayu sentiasa terjamin.

Kongres itu mahukan kekuasaan raja-raja Melayu menjadi bukan sahaja simbol kekuatan bangsa Melayu di tanah air sendiri tetapi juga sebagai penjaga kelangsungan politik Melayu.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Tebrau, Johor, Datuk Maulizan Bujang berkata, selama ini pun, institusi raja-raja telah banyak melindungi dan memayungi orang Melayu.

Malahan, katanya, kaum bukan Melayu turut bernaung dan berpayung di bawah institusi raja-raja.

Justeru, katanya, raja-raja Melayu bukan sahaja harus dihormati dan disanjung oleh masyarakat terutamanya orang Melayu tetapi juga perlu ditingkatkan kredibiliti raja-raja di pandangan mata rakyat.

"Jika usaha mengembalikan semula kuasa raja dibangkitkan hari ini, itu bukan disebabkan keadaan politik orang Melayu yang semakin rapuh, sebaliknya ia adalah perubahan mengikut zaman," katanya.

Beliau berkata, raja Melayu bukan hanya dilihat sebagai penjaga kelangsungan politik Melayu pada masa akan datang tetapi sebagai simbol kekuasaan dan kedaulatan orang Melayu di tanah air sendiri.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor pula berkata, tidak ada masalah dengan kuasa raja-raja hari ini.

Beliau menegaskan, tidak timbul masalah kuasa raja kerana raja-raja Melayu masih berkuasa.

"Kuasa tetap serupa, masih macam biasa. Bagi saya, tiada apa yang berubah dan raja-raja masih lagi mengekalkan kedaulatan," katanya.

Beliau berkata, tidak perlu ditonjolkan kuasa raja-raja kerana pada prinsipnya raja adalah sebagai simbol kepada kekuatan bangsa.

habis/-

IKLAN@UTUSAN

Rahsia
Penjimatan Elektrik
Murah, Mudah, Selamat
Klik Di Sini!

Gambar-gambar sekitar Majlis Angkat Sumpah dan Persidangan Parlimen ke-12

Gambar-gambar sekitar Larian Obor Olimpik 2008

Laman Khas Pilihan Raya Umum ke-12

IKLAN@UTUSAN



Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh	5.48
Zohor	1.15
Asar	4.29
Maghrib	7.20
Ishak	8.31

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

DARI TUTOR.COM.MY

“ Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin! ”

BANCIAN

Jika anda adalah seorang pembaca akhbar dan pelayar Internet, apakah tabiat anda berhubung pemilihan bahan bacaan?

- Saya melayari Internet untuk membaca bahan yang tidak terdapat di dalam akhbar.
- Saya melayari Internet untuk membaca bila saya terlepas membeli atau membaca di akhbar.
- Saya melayari Internet untuk mendapatkan bahan atau mendalami sesuatu perkara yang pernah saya terbaca di akhbar.
- Saya melayari Internet semata-mata kerana ingin menjimatkan kos daripada membeli akhbar.
- Saya hanyalah seorang perayau Internet

Keputusan

IKLAN Tekst

- Cyber Slim Center - 10kg dalam 30 hari
- >> Langsingkan badan secara selamat, semula jadi
- SmartStudy - Kursus Motivasi & Teknik Belajar Bersama Osman Affan
- Pusat Pelanginan Online Anda, turun 5-30kg.
- >> Rahsia Mudah Langsing. Ketahuinya.
- Tiara Beach Resort... The Place To Be. 23-Acre Man-Made Beach Resort. PD Largest MICE Venue.

IKLAN@UTUSAN

KAREER.COM.MY
TAKING YOU TO THE NEXT LEVEL

FIND OUT HOW TO HAVE A CAREER AS A COMMERCIAL Flight Attendant